

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa jumlah pemilik media sosial yang telah disekat penggunaannya dan apakah sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyumbang utama akaun media sosial disekat adalah kerana penciptaan akaun palsu untuk tujuan penyamaran. Antara tahun 2018 sehingga September 2019, sebanyak 3,877 akaun-akaun yang menyamar telah disusuli tindakan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Daripada jumlah tersebut, 78% daripadanya telah berjaya dipadam dengan kerjasama pihak penyedia platform media sosial, selaras dengan terma-terma dan syarat platform masing-masing.

2. Selain itu, sebanyak 1,564 pautan (URL) dan kandungan yang mempunyai kandungan berunsur buli siber dan kebencian telah dirujuk untuk perhatian dan tindakan lanjut penyedia platform media sosial seperti Facebook, Twitter, Google, Instagram dan YouTube. Daripada jumlah tersebut, 63% daripadanya telah berjaya dipadamkan berdasarkan pelanggaran terma dan syarat perkhidmatan serta pawaiian komuniti penyedia platform yang berkenaan.